

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Tuan Ahmad Bin Hassan [Papar] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk kawasan Kawang, Papar, Sabah yang selalu mengalami banjir kilat dan bilakah kelulusan peruntukan untuk projek parit di kampung Kawang ini dapat diluluskan dan bilakah Kementerian akan dapat membina penghalang sebagai langkah menghalang tebing-tebing sungai daripada runtuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebahagian insiden banjir kilat di kawasan Papar adalah berpunca daripada tumbuhan pada tebing-tebing sungai. Bagi membantu Kerajaan Negeri menangani masalah ini, Kementerian telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah (JPS) berjumlah RM351,490 pada Mei 2020 untuk pelaksanaan projek-projek kecil berkaitan pembersihan sungai di kawasan Kawang. Projek-projek ini dijangka siap pada bulan Ogos 2020.

Sekian, terima kasih